

DEIKSIS PERSONA: KATA GANTI NAMA DIRI DALAM RANCANGAN *RAMPALI PAGI* SEGMENT DAERAH

(*Person Deixis: Personal Pronouns in the District Segment of “Rampai Pagi”*)

*Abdul Haziq Sawal*¹
haziqsawal88@gmail.com

*Khairun Afifa Mashud*²
Khairunafifa31@gmail.com

*Siti Nurul Hakimah Mohd Marzuki*³
kimahmarzuki@gmail.com

Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Gadong BE1410, Brunei Darussalam.^{1, 2&3}

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Abdul Haziq Sawal, Khairun Afifa Mashud & Siti Nurul Hakimah Mohd Marzuki. (2024). Deiksis persona: Kata ganti nama diri dalam rancangan *Rampai Pagi* segmen daerah. *Jurnal Bahasa*, 24(1), 169–184. [https://doi.org/10.37052/jb24\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/jb24(1)no7)

Peroleh:	22/11/2023	Semakan:	16/3/2024	Terima:	6/6/2024	Terbit dalam talian:	20/6/2024
Received:		Revised		Accepted:		Published online:	

Makalah ini telah melalui penilaian sulit berganda (*This article has undergone a double-blind peer review process*)

Abstrak

Bahasa dapat dikaji dari pelbagai sudut berbeza, termasuklah dari aspek pragmatik. Pragmatik ialah kajian berkenaan interpretasi ujaran, termasuklah penginterpretasian ayat yang taksa dan eliptik. Kajian ini memfokuskan deiksis yang merujuk rujukan bagi kata yang silih berganti bergantung pada penutur, waktu dan tempat kata tersebut dituturkan. Kajian ini dilakukan berlandaskan deiksis persona, iaitu satu daripada lima deiksis yang dicadangkan oleh Levinson (1983). Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti deiksis persona

yang terkandung dalam rancangan *Rampai Pagi* segmen daerah, serta untuk menghuraikan dan membincangkan makna di balik penggunaan deiksis persona. Kajian yang dilakukan hanya tertumpu pada satu daripada segmen yang terkandung dalam rancangan *Rampai Pagi*, iaitu segmen daerah Tutong, Belait dan Temburong, yang ditayangkan pada 20 Januari 2020. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif. Hasil analisis data menunjukkan bahawa wujudnya penggunaan kata ganti nama diri, iaitu kata ganti nama diri pertama, kata ganti nama diri kedua dan kata ganti nama diri ketiga yang menjurus kepada penggunaan deiksis persona dalam rancangan *Rampai Pagi* segmen daerah. Penggunaan deiksis persona yang mementingkan konteks perbualan memudahkan pengguna untuk mengetahui maksud sebenar perbualan bagi mengelakkan kekeliruan atau kekeliruan. Dengan mengetahui fungsi kata ganti nama diri dalam perbualan atau pertuturan, penginterpretasian makna menjadi lebih jelas.

Kata kunci: Bahasa, pragmatik, konteks, deiksis, deiksis persona, kata ganti nama

Abstract

Language can be studied from many different angles, including pragmatics. Pragmatics is the study of interpretation of speech, including the interpretation of ambiguous and elliptical sentences. This study focuses on deixis, which refers to a word that moves or alternates, depending on the speaker, the time and the place in which the word is spoken. This study was conducted based on person deixis, which is one of the five types of deixis put forth by Levinson (1983). This study was conducted to identify the person deixis contained in the Rampai Pagi program of the district segment, as well as to describe and discuss the meaning behind the use of person deixis. The study is only focused on one of the segments contained in the Rampai Pagi program, namely the segment of Tutong, Belait and Temburong Districts, which was shown on January 20, 2020. The method used for this study is qualitative method. The results of the data analysis showed the actual use of personal pronouns—namely the first person, the second person, and the third person pronouns—which lead to the use of person deixis in the district segment's morning show. The use of person deixis, which prioritizes the context of a conversation, makes it easier for us to know the true meaning of a conversation so as to avoid any ambiguity or confusion. By knowing the role of a personal

pronoun in a conversation or speech, the interpretation of meaning becomes clearer.

Keywords: Language, pragmatics, context, person deixis, pronouns

PENDAHULUAN

Kridalaksana seperti yang dinyatakan dalam A. Paola Lancana (2016) menyatakan bahawa bahasa ialah sistem lambang bunyi yang arbitrer yang digunakan oleh anggota kelompok sosial untuk bekerjasama, berkomunikasi dan mengidentifikasi diri. Menurut Abdullah Hassan (2013), bahasa ialah cara manusia berkomunikasi sesama sendiri dan setiap bangsa mempunyai bahasanya yang tersendiri. Pelbagai takrifan mengenai bahasa dikemukakan, contohnya ujaran manusia berdasarkan konteks untuk mendapatkan makna (Sharidah Hairena Sharbini, 2002). Dalam kajian ini, bahasa dianalisis berdasarkan bidang pragmatik.

Pragmatik ialah bidang kajian bahasa yang berkaitan dengan ilmu sosiolinguistik, neurolinguistik dan psikolinguistik (Levinson seperti yang dinyatakan dalam Nor Hashimah Jalaluddin, 1992). Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1992), kajian pragmatik sangat penting untuk memperoleh makna implisit ujaran, di samping melihat hajat sebenar penutur terhadap ujaran yang disampaikannya. Pragmatik juga dianggap sebagai aturan pemakaian bahasa yang pemilihan bentuk bahasa dan penentuan maknanya berhubung dengan maksud pembicara yang bersesuaian dengan konteks dan keadaan (Nababan, 1987). Menurut A. Paolo Lancana (2016), kajian pragmatik merangkumi lima perkara, iaitu deiksis, praanggapan, tindak ujaran, implikatur dan struktur wacana.

Menurut Sharidah Hairena Sharbini (2002), kajian deiksis adalah tentang meneliti fenomena bahasa yang taksa (subjektif) dalam konteks makna ujaran atau perbualan yang melibatkan penutur dan pendengar. Oleh itu, kajian ini dilakukan dengan memfokuskan deiksis persona yang terdapat dalam rancangan *Rampai Pagi* untuk meneliti beberapa ketaksaan dalam bahasa. Contohnya, kata “aku” dan “kau” dalam bahasa Melayu Brunei (BMB), pada dasarnya merujuk deiksis persona. Kata “aku” merujuk penutur, manakala kata “kau” merujuk lawan tutur. Namun begitu, secara tidak langsung, kata “aku” dan “kau” itu boleh merujuk lawan tutur dan penutur. Menurut Eti Ramaniyar (2015), deiksis persona merujuk kata yang digunakan untuk merujuk kata ganti nama

atau untuk menggantikan kata ganti nama lain. Secara terperincinya, deiksis persona terbahagi kepada tiga bahagian dasar, iaitu kata ganti nama orang pertama, kata ganti nama orang kedua dan kata ganti nama orang ketiga. Kata ganti nama orang pertama ialah kategori rujukan yang digunakan untuk merujuk penutur itu sendiri (tunggal), seperti “saya” atau untuk merujuk kelompok yang turut melibatkan penutur itu sendiri (jamak), seperti “kita” dan “kami”. Kata ganti nama orang kedua pula ialah kategori rujukan yang digunakan untuk merujuk seorang pendengar (tunggal), seperti “awak” atau lebih daripada seorang pendengar (jamak), seperti “kamu” dan “kalian”. Kata ganti nama orang ketiga pula ialah kategori rujukan yang digunakan untuk merujuk orang yang berada di luar konteks perbualan, seperti “dia” (tunggal) dan “mereka” (jamak). Dalam beberapa bahasa, kategori deiksis penutur, kategori deiksis lawan tutur dan kategori lainnya dihuraikan secara terperinci dengan tanda status sosial kekerabatan.

Permasalahan Kajian

Pelbagai pendapat telah diberikan tentang pentakrifan bahasa. Menurut Halliday seperti yang dinyatakan dalam Sharidah Hairena Sharbini (2002), dalam suatu pertuturan, penutur boleh memberikan suatu makna ujaran dan fungsi suatu kata yang membawa maksud yang berlainan apabila bahasa itu dilihat dari segi kesubjektifannya berbanding dengan keobjektifannya, iaitu yang membolehkan penutur menghasilkan suatu set pemilihan makna ujaran dan fungsi suatu kata dengan tepatnya dalam bahasa. Oleh hal yang demikian, bahasa dapat dikatakan sebagai suatu alat komunikasi yang menggunakan unsur bahasa, seperti kata, klausa dan ayat, yang mempunyai rujukan terhadap maknanya yang bersifat subjektif.

Dalam hubungan ini, timbul persoalan tentang cara penutur memahami makna deiksis dalam ujaran bahasa dengan tepatnya, sedangkan bahasa itu sendiri bersifat subjektif. Fenomena deiksis ini ialah cara paling jelas untuk menggambarkan hubungan antara bahasa dengan konteks dalam struktur bahasa itu sendiri (Eti Ramaniyar, 2015). Dengan erti kata lain, deiksis menjadi bentuk teknikal yang paling asas untuk digunakan dalam pengajaran kerana pengabaian penggunaan unsur deiksis dapat mengakibatkan masalah kekaburuan, kesalahfahaman penerimaan maklumat dan komunikasi yang tidak berkesan (Nurul Shahida Jamil et al., 2016).

Oleh itu, kajian deiksis ini dilakukan untuk melihat bentuk deiksis persona yang terdapat dalam rancangan tempatan, iaitu *Rampai Pagi* dalam segmen daerah. Selain itu, kajian ini juga melihat penggunaan deiksis persona dalam dialog yang terdapat dalam rancangan tersebut. Nik Safiah Karim et al. (1993:104) menyatakan bahawa kata ganti nama diri merujuk kata yang digunakan untuk diri tertentu, sama ada diri pertama, diri kedua atau diri ketiga. Kata ganti nama ialah kata yang digunakan bagi menggantikan kata nama khas dan kata nama am dalam ayat (Sulaiman Masri & Ahmad Khair Mohd. Nor, 2002). Kajian ini meneliti kata ganti nama diri yang meliputi kata ganti nama diri pertama, kata ganti nama diri kedua dan kata ganti nama diri ketiga.

Kata ganti nama diri pertama ialah kata yang diujarkan sebagai pengganti diri bagi orang yang berbicara atau penutur (Mees, 1969:96). Oleh itu, penggunaan kata ganti nama diri pertama ini merujuk orang yang berbicara atau penutur yang mengujarkan sesuatu kepada lawan tutur dan dilakukan dengan hanya menyebut kata “saya”, “aku”, “kami” atau “kita” untuk menggantikan nama diri orang tersebut. Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015:1400), kata “saya” ialah kata ganti nama diri pertama (lebih halus daripada kata “aku”). Dalam *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (2003:2396), kata “saya” ialah kata ganti diri (pronominal persona) pertama tunggal bagi orang yang berbicara atau orang yang menulis dalam ragam rasmi atau ragam biasa.

Kata ganti nama diri “kami” pula digunakan untuk merujuk penutur dan ahli penutur, tetapi tidak termasuk pendengar (Siti Hamnah Budin, (2007:38-41). Dalam *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (2003:1163), kata “kami” ialah kata ganti diri (pronominal persona) pertama dalam bentuk jamak yang digunakan oleh orang yang berbicara bersama-sama dengan orang lain (tidak termasuk orang yang diajak berbicara) atau oleh orang yang menulis atas nama kelompok (tidak termasuk pembaca).

Kata “kita” ialah kata ganti diri bagi orang yang bercakap dan sekalian yang hadir (mendengarnya), saya dan kamu semua (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2015:796). Dalam *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (2003:1369), kata “kita” ialah kata ganti diri pertama dalam bentuk jamak yang digunakan oleh orang yang berbicara bersama-sama dengan orang lain, termasuklah orang yang diajak berbicara dan orang yang bercakap, serta sekalian orang yang hadir.

Menurut Siti Hamnah Budin (2007:38-41), kata ganti nama diri “kitani” ialah kata ganti nama diri yang digunakan bagi merujuk penutur dan ahli penutur, serta pendengar. Kata ganti nama diri kedua ialah

kategori rujukan yang digunakan untuk merujuk seorang pendengar (tunggal), seperti kata “awak” atau lebih daripada seorang pendengar (jamak), seperti kata “kamu” dan “kalian” (Agustina, 1995).

Kata “awda” ialah kata ganti nama diri kedua dalam bahasa Melayu Brunei. Fungsi kata ini sama seperti kata “anda” atau “engkau” yang ada dalam kamus bahasa Melayu Standard. Seterusnya, dalam *Kamus Bahasa Melayu Brunei* (2007), kata “kita” atau “biskita” merupakan kata ganti nama diri kedua dalam bentuk tunggal. Kedua-dua kata ini diungkapkan oleh penutur yang ditujukan kepada lawan tuturnya.

Bagi kata ganti nama diri ketiga, Agustina (1995) menyatakan bahawa kata ganti nama diri ketiga merujuk seseorang yang berada di luar konteks perbualan, bukan merujuk penutur atau pendengar yang sama ada hadir atau tidak dalam konteks perbualan itu, seperti “dia” (tunggal) dan “mereka” (jamak). Bagi kata “mereka”, kata ini ialah kata ganti diri (pronominal persona) ketiga dalam bentuk jamak; dia dengan yang lain; orang yang dibicarakan (*Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 2003:1772).

Kajian ini memfokuskan deiksis persona yang berkaitan dengan kata ganti nama diri pertama, kata ganti nama diri kedua dan kata ganti nama diri ketiga. Kajian ini hanya tertumpu pada satu daripada segmen yang terkandung dalam rancangan *Rampai Pagi*, iaitu segmen daerah Tutong, Belait dan Temburong, yang ditayangkan pada 20 Januari 2020. Oleh itu, pengkaji menjangkakan bahawa sememangnya berlaku pemindahan kata ganti nama diri dalam segmen tersebut, bergantung pada pembicara dan konteksnya.

Secara umumnya, setiap kajian yang dilakukan mempunyai kepentingannya yang tersendiri, sama ada kepada masyarakat atau pengkaji lain. Kajian deiksis persona dalam rancangan *Rampai Pagi* ini dapat memberikan penjelasan kepada penutur bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam tentang ketaksaan atau kesalahfahaman dalam perbualan yang dapat berlaku berhubung dengan deiksis persona. Secara teorinya, kajian ini dapat membantu masyarakat untuk lebih memahami penggunaan deiksis dalam dialog rancangan *Rampai Pagi*. Secara praktisnya, kajian ini dapat menjadi bahan rujukan bagi pihak yang bertanggungjawab dalam bidang bahasa, begitu juga pengkaji yang akan datang, serta dapat mendedahkan bentuk deiksis persona yang terdapat dalam rancangan tersebut. Selain itu, kajian ini dapat membantu penggiat bahasa untuk mengenal pasti faktor penggunaannya, sekali gus mempertingkatkan pengaruh bahasa Melayu dalam dunia serantau.

Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan berlandaskan dua objektif khusus, iaitu:

1. Mengenal pasti deiksis persona kata ganti nama diri yang terkandung dalam rancangan *Rampai Pagi* segmen daerah Tutong, Belait dan Temburong.
2. Menghuraikan dan membincangkan makna di balik penggunaan deiksis persona bagi mengelakkan kekaburan atau ketaksaan.

KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian deiksis dari pelbagai aspek pragmatik yang dilakukan oleh sarjana terdahulu. Antaranya termasuklah yang dilakukan oleh Aminnudin Saimon dan Lisa Licson (2023), Siti Hamnah Budin (2007), Hazlenayati Norosam Elyani (2008) dan Maya Defrilyana et al. (2021). Aminnudin Saimon dan Lisa Licson (2023) mengkaji deiksis dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa*. Pengkaji ini menemukan kelima-lima deiksis yang dikemukakan dalam Teori Pragmatik Levinson, iaitu deiksis orang, deiksis waktu, deiksis tempat, deiksis sosiol dan deiksis wacana. Deiksis yang paling banyak ditemukan ialah deiksis orang, diikuti oleh deiksis waktu, deiksis sosial, deiksis tempat dan deiksis wacana. Bagi deiksis orang, penggunaan kata ganti nama diri pertama yang paling banyak ditemukan, diikuti oleh penggunaan kata ganti nama diri kedua dan kata ganti nama diri ketiga. Kata ganti nama diri pertama yang ditemukan dalam kajian tersebut ialah "beta", "patik" dan "hamba", manakala kata ganti nama diri kedua yang ditemukan ialah "tuanku", "tuan hamba" dan "kau".

Berikutnya, Siti Hamnah Budin (2006) mengkaji deiksis kata ganti nama diri dalam dialek bahasa Melayu dengan memfokuskan tiga variasi pertuturan bahasa Melayu daripada tiga negara, iaitu bahasa Malaysia, bahasa Indonesia dan dialek Melayu Brunei. Pengkaji tersebut meneliti fungsi dan interpretasi makna penggunaan kata ganti nama diri ketiga daripada tiga bahasa tersebut secara perbandingan. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa ketiga-tiga dialek bahasa Melayu menggunakan sebanyak lapan jenis bentuk kata ganti nama diri, iaitu "saya", "aku", "kami", "kita", "kau", "kamu", "awak" dan "dia/ia". Selain itu, penggunaan kata ganti nama diri tersebut turut mempunyai persamaan antara dialek Melayu dan perbezaan pula terletak pada fungsinya.

Pengkaji itu menyimpulkan bahawa terdapat persamaan dan perbezaan dari segi fungsi melalui konteks atau situasi penggunaan kata ganti nama diri berkenaan dan perkara ini tidak disedari pada umumnya oleh penutur dialek bahasa Melayu lain.

Seterusnya, Hazlenayati Norosam Elyani (2008) mengkaji penggunaan dan interpretasi deiksis dalam teks iklan perniagaan. Menurut pengkaji ini, makna deiksis yang digunakan dapat diinterpretasikan dengan betulnya. Dalam kajian ini, pengkaji ini mendapati bahawa deiksis persona, deiksis masa dan deiksis tempat digunakan dalam data iklan yang dikaji. Di samping itu, pengkaji ini mendapati bahawa antara deiksis yang paling banyak digunakan termasuklah deiksis persona. Oleh hal yang demikian, memang terdapat penggunaan kata ganti nama diri pertama dan kata ganti nama diri kedua dalam teks iklan atas sebab tertentu. Contohnya, kata “ku” dan “mu” digunakan untuk menarik perhatian pembaca dan menimbulkan perasaan saling mengenali antara pengiklan dengan pembaca.

Maya Defrilyana et al. (2021) pula mengkaji deiksis persona dalam Episod Mata Najwa “Vaksin Siapa Takut?”. Kajian dilakukan untuk menghuraikan jenis deiksis persona yang terdapat dalam Episod Mata Najwa dan memaparkan rujukan deiksis persona. Kajian tersebut dilakukan dengan menggunakan penelitian kualitatif deskriptif. Pengkaji tersebut menemukan lima jenis deiksis persona, iaitu deiksis persona pertama tunggal, deiksis persona pertama jamak, deiksis persona kedua tunggal, deiksis persona ketiga tunggal dan deiksis persona ketiga jamak. Dalam kajian itu, ditemukan rujukan deiksis persona, iaitu deiksis persona eksofora dan deiksis persona endofora.

Sebagai ulasan, terdapat persamaan dan perbezaan dalam keempat-empat kajian ini. Persamaan keempat-empat kajian ini ialah fokusnya dalam bidang yang sama, iaitu pragmatik dari aspek deiksis. Perbezaannya pula hanya dari segi fokus dan tujuan kajian. Aminnudin Saimon dan Lisa Licson (2023) menumpukan pengenalpastian deiksis dalam filem. Siti Hamnah Budin (2006) lebih menumpukan deiksis ganti nama yang terdapat dalam tiga bahasa Melayu, iaitu bahasa Melayu Indonesia, bahasa Malaysia dan bahasa Melayu Brunei Darussalam. Hazlenayati Norosam Elyani (2008) pula mengkaji deiksis dari sudut penggunaan dan interpretasinya dalam iklan perniagaan, manakala Maya Defrilyana et al. (2021) memfokuskan deiksis yang sama dengan kajian ini, iaitu deiksis persona, tetapi berbeza dari segi data kajianya.

Kajian ini mempunyai sedikit sebanyak persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh Siti Hamnah Budin (2006), iaitu mengenai kata ganti nama diri, tetapi fokus kajian ini lebih luas daripada kajian Siti Hamnah Budin yang hanya memfokuskan kata ganti nama diri yang sering digunakan di Negara Brunei Darussalam, iaitu kata ganti nama diri “kitani” dan “kami”.

METODOLOGI

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa kaedah, iaitu kaedah kualitatif dan kaedah sekunder. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat yang relevan dan bersesuaian dengan permasalahan yang diteliti. Kaedah kualitatif tersebut ialah pemerhatian dari segi analisis kandungan, iaitu dengan melihat tiga klip video wawancara bagi rancangan *Rampai Pagi* segmen daerah Kuala Belait, Tutong dan Temburong yang ditranskripsikan. Kaedah ini digunakan untuk memudahkan proses penelitian data. Tempoh setiap klip video wawancara tersebut adalah antara tujuh minit hingga 11 minit.

Kemudian, pengkaji meneliti dan mengenal pasti deiksis persona yang diujarkan oleh pengacara, dan interaksi antara wartawan dengan tetamu jemputan yang ditemu bual. Selain itu, kaedah sekunder juga digunakan. Dalam kaedah ini, pengkaji mengkaji deiksis yang terdapat dalam latihan ilmiah, buku, artikel, jurnal dan laman sesawang untuk mendapatkan kefahaman dengan lebih lanjut.

Teori

Kajian ini menggunakan deiksis persona dalam teori yang dikemukakan oleh Levinson (1983). Persona pertama ialah kategori rujukan penutur terhadap dirinya sendiri. Persona kedua ialah kategori rujukan penutur terhadap lawan tutur atau pendengar. Persona ketiga pula ialah kategori rujukan terhadap orang atau benda yang bukan penutur dan lawan tutur. Deiksis persona ini ditentukan berdasarkan peranan peserta dalam peristiwa berbahasa yang dibahagikan kepada tiga kata ganti nama diri, iaitu:

- a) Kata ganti nama diri pertama: saya, aku, kami dan kita
- b) Kata ganti nama diri kedua: awak, kau, engkau dan kamu
- c) Kata ganti nama diri ketiga: dia dan mereka

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Menerusi analisis yang dilakukan, ditemukan deiksis persona, iaitu kata ganti nama diri pertama, kata ganti nama diri kedua dan kata ganti nama diri ketiga dalam segmen daerah rancangan *Rampai Pagi*.

Kata Ganti Nama Diri Pertama

Sebanyak empat kata ganti nama diri pertama yang ditemukan, iaitu **saya** (10 data), **kami** (12 data), **kita** (23 data) dan **kitani** (4 data). Penggunaan kata ganti nama diri **saya** ditunjukkan dalam ayat (1)–(2).

- 1) Harapan **saya** kepada penduduk kampung dan hasil daripada satu kampung satu produk supaya dapat dikembangmajukan dan akan dapat melahirkan masyarakat yang berdikari, maju, berdaya saing dan harapan **saya** Insya-Allah dapat menembusi pasaran antarabangsalah.
- 2) **Saya** di sini seorang ketua platur, iaitu platur 7, dan ditarik semua latihan kawad, senjata dan untuk memegang platur.

Dengan berdasarkan ayat (1), kata **saya** merupakan kata ganti diri pertama yang merujuk penutur, iaitu Timbalan Pengerusi Majlis Perundingan Kampung Danau, Awg Murni bin Abdul Wahab. Kata **saya** digunakan untuk menggantikan nama diri penutur apabila berbicara dengan lawan tuturnya. Penggunaan kata **saya** dalam ayat tersebut adalah tepat dan sesuai mengikut konteksnya. Kata **saya** pada ayat (2) merujuk penutur sendiri, iaitu Jurulatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Sarjan Mahdi. Seperti ayat (1), penggunaan kata **saya** dalam ayat tersebut juga bersesuaian dengan konteksnya. Penggunaan kata **saya** ini menggantikan nama diri penutur ketika berkomunikasi. Seterusnya, contoh bagi kata ganti nama diri **kami** dapat dilihat dalam ayat (3)–(4).

- 3) Di sini dulu **kami** ajarkan selama dua hari macam mana cara-cara memegang senjata yang betul, macam mana menembak yang betul dan untuk menjadikan bisdorang ani seseorang yang nya orang penembak *best shooter* untuk di PKBN ani nanti.
- 4) Aaaa tujuan ani adalah untuk aaaa memperkenalkan kepada semua pelajar-pelajar ani pasal subjek-subjek yang **kami** offer di bahagian Pra-U dan yang juga penting bagi diorang supaya diorang lagi memahami apa hala tuju diorang selepas mereka menduduki peperiksaan O'level kemudian.

Penggunaan kata **kami** dalam ayat (3) jelas menunjukkan bahawa kata ini dituturkan oleh penutur, iaitu Sarjan Mahdi, yang bukan sahaja merujuk dirinya, tetapi juga orang yang bersama-sama dengannya atau orang yang bekerjasama dalam pengendalian latihan tersebut, iaitu Jurulatih PKBN. Dalam hal ini, penutur hanyalah wakil kumpulan tersebut dalam ujaran yang disampaikannya.

Dalam ayat (4), kata **kami** dituturkan oleh penutur, iaitu Steven Shim Sheau Huei, yang merupakan Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Ali Kuala Belait. Penutur menggunakan kata **kami** sebagai wakil kumpulan dalam ujarannya, iaitu warga kakitangan Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait. Berikutnya, penggunaan contoh kata ganti nama diri **kita** ditunjukkan dalam ayat (5)–(6).

- 5) Baik untuk seterusnya awda **kita** akan saksikan bersama bahan yang telah pun disediakan oleh rakan setugas **kita** mengenai tinjauannya baru-baru ini ke Program Khidmat Bakti Negara bagi melihat pencapaian pelatih PKBN tersebut. Untuk itu apa kata **kita** saksikan bersama bahan yang dikongsikan ini.
- 6) Bersama **kita** dari daerah Belait, Assalamulaikum ... apa khabar hari ini?

Ayat (5) menunjukkan bahawa kata **kita** sebagai kata ganti diri pertama bukan sahaja merujuk diri penutur, iaitu pengacara *Rampai Pagi*, tetapi termasuk juga lawan tutur, iaitu penonton yang sedang menyaksikan rancangan *Rampai Pagi* pada hari tersebut. Namun begitu, dalam percakapan bahasa Melayu Brunei, kata ganti nama diri **kita** merujuk orang kedua. Hal ini bergantung pada situasi dan konteks ayat yang diujarkan oleh penutur atau tindak balas lawan tutur. Oleh itu, dalam konteks ayat (5), kata **kita** merupakan kata ganti nama diri pertama kerana penutur merujuk dirinya dan orang yang menyaksikan rancangan tersebut.

Seperti penjelasan ayat (5), penggunaan kata **kita** bagi contoh ayat (6) merujuk penutur, iaitu pengacara *Rampai Pagi*, termasuklah penonton rancangan tersebut (lawan tutur). Bersesuaian dengan situasi dan konteks, kata **kita** pada ayat (6) lebih merujuk kata ganti nama diri pertama. Bagi kata ganti nama diri **kitani**, penggunaannya dapat diperhatikan dalam ayat (7)–(8).

- 7) Kalau bukan **kitani** siapa lagi?
- 8) Harapan saya semoga PKBN ani dapat anulah membangun anak-anak

tempatan **kitani** dan mengubah nasib seseorang disiplin dorang, tapi Alhamdulillah, mudah-mudahan kesemua peserta PKBN ani mendapat kejayaan dan beroleh kejayaan di masa akan datang.

Kata **kitani** dalam ayat (7) ialah kata ganti diri pertama yang bukan sahaja merujuk diri penutur, iaitu Penyampai Daerah Tutong, Haji Hairol Azri Haji Selamat, malah termasuk lawan tutur, iaitu penonton yang sedang menyaksikan rancangan *Rampai Pagi* pada hari tersebut, sekali gus rakyat Negara Brunei Darussalam.

Dengan berdasarkan ayat (8), kata **kitani** yang digunakan oleh penutur, iaitu Jurulatih PKBN Sarjan Mahdi, tidak hanya merujuk dirinya, tetapi juga lawan tuturnya (penonton rancangan *Rampai Pagi*), termasuklah rakyat Negara Brunei Darussalam.

Kata Ganti Nama Diri Kedua

Bagi kata ganti nama diri kedua, hanya dua kata ditemukan, iaitu **awda** (5 data) dan **kita/biskita** (2 data). Penggunaan kata ganti nama diri **awda** ini ditunjukkan dalam ayat (9)–(10).

- 9) Baik, terima kasih rakan kita di Bandar Seri Begawan. Assalamualaikum warahmatullahhi wabaraktu, salam sejahtera **awda** penonton.
- 10) Baik untuk seterusnya **awda** kita akan saksikan bersama bahan yang telah pun disediakan oleh rakan setugas kita mengenai tinjauannya baru-baru ini ke Program Khidmat Bakti Negara bagi melihat pencapaian pelatih PKBN tersebut. Untuk itu apa kata kita saksikan bersama bahan yang dikongsikan ini.

Ayat (9) menunjukkan penggunaan kata **awda** sebagai kata ganti diri kedua yang bukan merujuk diri penutur, tetapi lawan tuturnya. Penggunaannya dalam ayat (9) secara jelas menunjukkan bahawa kata **awda** dituturkan oleh penutur, iaitu pengacara *Rampai Pagi*, kepada orang kedua atau lawan tutur bagi penutur, iaitu penonton yang sedang menyaksikan rancangan *Rampai Pagi* pada ketika itu.

Seperti penjelasan bagi ayat (9), penggunaan kata **awda** dalam ayat (10) ini juga merujuk lawan tutur. Penutur, iaitu pengacara *Rampai Pagi* menggunakan kata **awda** yang ditujukan kepada lawan tuturnya, iaitu penonton rancangan tersebut. Seterusnya, contoh penggunaan kata **biskita** dan **kita** ditunjukkan dalam ayat (11) dan (12), masing-masing.

- 11) Baiklah, tuan jadikan mahu tahu jua, bila **biskita** memulakan pengusahaan ini?
- 12) Macam mana **kita**, kitani tahu membuat barang-barang ani?

Ayat (11) menunjukkan bahawa kata **biskita** digunakan sebagai kata ganti diri kedua yang bukan merujuk diri penutur, tetapi merujuk lawan tutur. Penggunaan kata **biskita** dalam contoh ayat (11) secara jelas menunjukkan bahawa kata **biskita** yang dituturkan oleh penutur, iaitu Penyampai Daerah Tutong, Haji Hairol Azri Haji Selamat ditujukan kepada orang kedua atau lawan tutur bagi penutur atau orang yang berinteraksi dengannya, iaitu Pengusaha Kampung Danau, Mahari Haji Abdul Hamid.

Penggunaan kata **kita** dalam ayat (12) yang dituturkan oleh penutur, iaitu Penyampai Daerah Tutong, merujuk lawan tutur, iaitu Mahari Haji Abdul Hamid (Pengusaha Kampung Danau). Kata **kita** dalam ayat (12) ini berbeza daripada penggunaan kata **kita** dalam ayat (5)–(6), yang merujuk kata ganti diri pertama. Hal ini bersesuaian dengan situasi dan konteks komunikasi itu berlangsung.

Kata Ganti Nama Diri Ketiga

Kata ganti nama diri ketiga yang ditemukan dalam kajian ini hanya satu, iaitu **mereka** (12 data). Penggunaan kata ganti nama diri **mereka** ini ditunjukkan dalam ayat (13)–(14).

- 13) Aaaa tujuan ani adalah untuk aaaa memperkenalkan kepada semua pelajar-pelajar ani pasal subjek-subjek yang kami *offer* di bahagian Pra-U dan yang juga penting bagi diorang supaya diorang lagi memahami apa hala tuju diorang selepas **mereka** menduduki peperiksaan O’level kemudian.
- 14) Kemudian, cabaran memang ada ahh seperti institusi-institusi lain yang paling-paling penting ani adalah ia **mereka** juga bersedia untuk berusaha kuat dan aa fokus dalam **mereka** punya pelajaran supaya **mereka** kemudian juga berjaya.

Dengan berdasarkan ayat (13)–(14), kata **mereka** digunakan oleh penutur, iaitu Steven Shim Sheau Huei (Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait). Penutur menggunakan kata **mereka** bukan untuk merujuk dirinya sendiri, tetapi pelajar yang akan menduduki peperiksaan O’level dan yang akan memasuki Tingkatan 6.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini berkenaan penggunaan kata ganti nama diri yang termasuk dalam kategori deiksis persona. Menerusi analisis data ini, dapat dibuktikan bahawa wujudnya penggunaan kata ganti nama diri, iaitu kata ganti nama diri pertama, kata ganti nama diri kedua dan kata ganti nama diri ketiga yang menjurus kepada penggunaan deiksis persona dalam rancangan *Rampai Pagi* segmen daerah Tutong, Belait dan Temburong. Penggunaan deiksis persona yang termasuk dalam bidang pragmatik yang mementingkan konteks perbualan ini memudahkan pihak yang terlibat untuk mengetahui maksud sebenar perbualan bagi mengelakkan kekaburuan atau kekeliruan. Dengan mengetahui peranan sesuatu kata ganti nama diri dalam perbualan atau pertuturan tersebut juga, penginterpretasian makna menjadi lebih jelas. Kajian ini juga menemukan beberapa kata ganti nama diri yang ada dalam bahasa Melayu Brunei, seperti kata ganti nama diri kedua **kita/biskita** dan **awda**, yang dapat diambil perhatian oleh pengkaji seterusnya.

Melalui analisis data dan perbincangan yang dilakukan, dapat dikatakan bahawa kajian ini berjaya memperoleh semua jawapan dan mencapai objektif kajian. Di samping itu, secara tidak langsung, kajian ini turut menyelitkan beberapa kepentingan bagi kegunaan bersama. Antaranya termasuklah dapat memberikan penjelasan kepada penutur bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam tentang ketaksaan atau kesalahfahaman dalam perbualan yang dapat berlaku disebabkan oleh deiksis persona, dan menjelaskan kesubjektifan tersebut. Oleh itu, menerusi kajian ini, tidak wujud lagi ketaksaan dalam penginterpretasian makna ujaran.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak Program Bahasa Melayu dan Linguistik, Universiti Brunei Darussalam, terutamanya kepada pensyarah modul pragmatik yang telah memberikan sokongan dan tunjuk ajar yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Abdul Haziq Sawal: Permasalahan kajian, kajian lepas, pengumpulan data, pentranskripsian data, penulisan makalah, semakan; Khairun Afifa Mashud: Metodologi kajian, kajian lepas, pengumpulan data, pentranskripsian

data, penulisan makalah, semakan; Siti Nurul Hakimah Mohd Marzuki: Pengenalan, kajian lepas, pengumpulan data, pentranskripsian data, penulisan makalah, penyediaan makalah, semakan, penghantaran makalah akhir.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia daripada pengarang koresponden atas permintaan.

PERISYTIHARAN

Konflik Kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisyiharkan.

RUJUKAN

- A. Paola Lancana Aminuddin. (2016). Dieksis dalam novel *Tembang Ilalang* karya Md Aminuddin. *Jurnal Bastra*, 3(3), 1–26.
- Abdullah Hassan. (2013). *Linguistik am: Siri pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Agustina. (1995). *Pragmatik dalam pengajaran bahasa Indonesia*. IKIP Padang.
- Aminnudin Saimon & Lisa Licsom. (2023). Penggunaan aspek deiksia dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa*. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 147–168. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)no6](https://doi.org/10.37052/jb23(1)no6)
- Eti Ramaniyar. (2015). Dieksis bahasa Melayu dialek Sintang Kecamatan Serawai: Kajian pragmatik. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 4(2), 198–209.
- Hazlenayati Norosam Elyani. (2008). *Deiksia: Penggunaannya dan interpretasinya dalam teks iklan perniagaan* [Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan]. Universiti Brunei Darussalam.
- Kamus bahasa Melayu Brunei*. (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Kamus bahasa Melayu Nusantara*. (2003). Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Kamus dewan edisi keempat*. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Levinson, S. C. (1983). *Pragmatics*. Cambridge University Press.
- Maya Defriyana, Mangatur Sinaga & Elvrin Setyanti. (2021). Deiksia persona dalam acara mata najwa episode “vaksin siapa takut?”. *Gurindam: Jurnal Bahasa dan Sastra*, 1(2), 65–70.
- Mees, C. A. (1969). *Tatabahasa dan tatakalimat*. University of Malaya Press.

- Nababan, P. W. J. (1987). *Ilmu pragmatik: Teori dan penerapannya*. Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn & Hashim Musa. (1993). *Tatabahasa dewan (Edisi baharu)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan pragmatik: Satu pengenalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Shahida Jamil, Maslida Yusof & Karim Harun. (2016). Deiksis sosial dalam interaksi masyarakat Melayu Kedah. *Geografi Malaysia Journal of Society and Space*, 12(11), 44–61.
- Sharidah Hairena Sharbini. (2002). *Deiksis tempat dan deiksis masa dalam bahasa Melayu Brunei* [Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan]. Universiti Brunei Darussalam.
- Siti Hamnah Budin. (2007). *Deiksis kata ganti nama diri dalam dialek bahasa Melayu* [Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan]. Universiti Brunei Darussalam.
- Sulaiman Masri & Ahmad Khair Mohd. Nor. (2002). *Tatabahasa Melayu mesra pengguna*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.